

NO. SOALAN: 74

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
[SEPANG]**

TARIKH : 31 JULAI 2017

RUJUKAN : 9990

SOALAN:

Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin [Sepang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan bahawa ia akan mengembalikan semula Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selepas Akta itu dimansuhkan dengan adanya desakan baru-baru ini daripada Pertubuhan Panji Lankasuka Malaysia (Galas) Perak agar ISA dikembalikan semula.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dalam merealisasikan Program Transformasi Politik (PTP) sepertimana yang telah diamanatkan oleh YAB Perdana Menteri. Sehubungan itu, Kerajaan tidak berhasrat untuk mengembalikan semula Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) sebagaimana yang dicadangkan oleh Pertubuhan Panji Lankasuka Malaysia (Galas).

Kerajaan dari semasa ke semasa akan terus mengkaji undang-undang sedia ada seperti Akta Pencegahan Jenayah 1959, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012, Kanun Keseksan serta Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 untuk terus ditambah baik agar ianya sentiasa relevan dan bersesuaian dengan keadaan semasa.